

Struktur Suku di Rembau

IBRAHIM ABDULLAH*

Suku Yang Duabelas

DALAM sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan, pada idealnya terdapat duabelas suku. Begitulah juga di Rembau, terdapat kesemua 12 suku ini. Suku-suku yang dimaksudkan ialah seperti berikut:

Biduanda
 Paya Kumbuh
 Mungkal
 Tiga Nenek
 Tanah Datar
 Sri Melenggang
 Sri Lemak
 Batu Hampar
 Batu Belang
 Anak Melaka
 Anak Aceh
 Tiga Batu

Di antara keduabelas suku yang tersebut itu suku Biduanda mempunyai kedudukan yang istimewa, iaitu mempunyai hak mutlak untuk menjadi dan menyandang pusaka Undang Luak Rembau. Ini kerana penganut-penganut Adat Perpatih menganggap suku Biduanda sebagai suku yang sesungguhnya merupakan orang asal di Negeri Sembilan. (Abdullah Siddik, 1975:123). Sementara suku-suku lain adalah terdiri dari orang yang datang dari seberang iaitu dari Minangkabau, Sumatra. Kedatangan mereka ini adalah berperingkat-peringkat. Mengikut M.B. Hooker,

Traditionally, there are twelve clans in Negeri Sembilan though not all twelve are represented in each adat district in the state. The Biduanda or waris clan is theoretically pre-eminent as representing original inhabitants of the land. The other eleven clans are immigrants from Sumatra and hold their land by purchase from Biduanda' (1972:21).

Mengikut Drs. Dahlan Mansoer pula,

Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan khasnya, ke Semenanjung amnya, adalah satu proses sejarah yang berlangsung selama berbilang abad. Kedatangan yang berperingkat-peringkat ini juga menyebabkan terdapatnya pecahan suku yang sama tetapi tinggal di kawasan yang berlainan (1974).

Nama bagi suku-suku yang mendatang itu adalah mengambil sempena nama tempat asal mereka di Minangkabau. Misalnya suku Paya Kumbuh adalah dari Paya Kumbuh, begitu juga Tanah Datar, Sri Melenggang dan lain-lain. Hanya suku Anak Melaka saja yang berasal dari Melaka, namun begitu mereka juga pada mulanya berasal dari seberang.

Istilah 'suku' yang digunakan dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan sekarang adalah dalam pengertian yang berlainan dari pengertian asalnya yang terdapat di Minangkabau.

Menurut Abdullah Siddik,

Dalam istilah asalnya, 'suku' bererti 'seperempat', kerana mengikut tambo Minangkabau mereka dari empat suku, iaitu:

1. Suku Koto
2. Suku Paliang
3. Suku Budi
4. Suku Caniago

Dalam istilah sekarang, suku mempunyai pengertian yang lain, iaitu golongan manusia yang berasal dari satu keturunan yang disusun-galurkan menurut ibu (1975:119).

Namun begitu pengertian suku itu tidaklah lari dari makna asalnya yang dimengertikan sebagai 'berasingan'.

Dipercayai terdapat empat suku yang mula-mula datang meneroka ke Rembau. Mereka ini adalah terdiri dari pengikut-pengikut yang mengiringi Tok Lela Balang dan Tok Laut Dalam iaitu dua orang ketua Minangkabau yang mula-mula datang. Tok Lela Balang diiringi oleh orang-orang dari suku Batu hampar dan Mungkal, sementara Tok Laut Dalam pula diiringi oleh orang-orang dari suku Paya Kumbuh dan Tiga Nenek. Tiap-tiap suku itu pula mempunyai ketua masing-masing yang kemudiannya dikenali dengan gelaran Lembaga.

Setelah mendapat tahu tentang kejayaan suku yang empat itu barulah suku-suku yang lain pula datang. Dengan itu semakin ramailah peneroka-peneroka baru dengan suku dan ketua masing-masing. Mana-mana suku yang awal akan mendapat tempat di kawasan Baruh dan mana-mana suku yang kemudian diberi tempat di kawasan Darat. Dengan itu terdapatlah pentadbiran adat yang dibahagikan kepada Baruh dan Darat.

Pada idealnya memang terdapat 12 suku, tetapi oleh kerana ada pecahan penempatan tadi maka terdapat lebih dari 12 suku semuanya. Pentadbiran suku di Baruh dengan di Darat adalah berlainan, walaupun dari suku yang sama. Satu suku yang sama tadi berpecah dua dengan tiap-tiap satu pecahan mempunyai seorang Lembaga yang bertanggungjawab.

Suku dan Ketuanya Mengikut Kawasan

Kawasan Baruh

Nama Suku	Gelaran Lembaga
1. Batu Hampar Minangkabau	Datuk Gempa Maharaja
2. Paya Kumbuh	Datuk Merbangsa
3. Tiga Nenek	Datuk Bangsa Balang
4. Mungkal	Datuk Samsura Pahlawan
5. Biduanda (Waris Jakun & Jawa)	Datuk Perba
6. Batu Hampar Patani	Datuk Puteh
7. Anak Melaka	Datuk Ganti Maharaja
8. Tanah Datar	Datuk Raja Senara
9. Anak Aceh	Datuk Lela Wangsa
10. Sri Melenggang Kendung	Datuk Mengktua

Kawasan Darat

Nama Suku	Gelaran Lembaga
1. Paya Kumbuh	Datuk Seri Maharaja
2. Sri Lemak	Datuk Sinda Maharaja
3. Batu Belang	Datuk Andika
4. Sri Melenggang Empat Ibu	Datuk Mendelika
5. Biduanda Seri Maharaja	Datuk Setia Maharaja
6. Batu Hampar	Datuk Sutan Bendahara
7. Mungkal	Datuk Ngiang
8. Tanah Datar	Datuk Maharaja Inda
9. Sri Melenggang Minangkabau	Datuk Panglima Dagang
10. Sri Melenggang Naning (Miku)	Datuk Dagang
11. Sri Melenggang Naning	Datuk Narakaya
12. Biduanda Tampin	Datuk Sinda Pahlawan

Jika diteliti, terdapat suku yang mempunyai banyak pecahan seperti suku Sri Melenggang dan Batu Hampar. Ini adalah disebabkan kedatangan mereka yang berlainan waktu walaupun daripada tempat yang sama di Minangkabau. Asal keturunan nenek moyang mereka juga adalah berlainan.

Terdapat juga suku-suku yang berada di kedua-dua kawasan Darat dan Baruh, sementara ada suku-suku yang hanya terdapat di satu kawasan sahaja. Suku Sri Lemak dan Batu Belang hanya terdapat di kawasan Darat sahaja dan suku Anak Aceh dan Anak Melaka hanya berada di kawasan baruh sahaja.

Dalam senarai suku yang diberikan tidak kedapatan pun suku Tiga Batu pada hal suku ini adalah salah satu suku yang 12 yang terdapat di Rembau. Ini kerana suku Tiga Batu tidak mempunyai Lembaga yang diiktiraf. Ahli-ahli suku Tiga Batu ini menumpang pada Lembaga yang paling hampir dengan mereka mengikut tempat. Dengan itu ahli-ahli suku Tiga Batu di kawasan Darat menumpang pada Datuk Andika, Lembaga dari suku Batu

Belang. Sementara di kawasan Baruh pula ada yang menumpang pada Lembaga suku Tiga Nenek iaitu Datuk Bangsa Belang, Datuk Merbangsa, Lembaga suku Paya Kumbuh dan Datuk Mengkuta di Kendung.

Ketiadaan Lembaga bagi suku Tiga Batu ini adalah kerana proses sejarah. Menurut ceritanya, di masa pemerintahan Inggeris yang berpusat di Melaka, Gabenor Inggeris telah mengambil semua Datuk-datuk Lembaga untuk mengesahkan jawatan dan juga elau sara hidup mereka. Oleh kerana Lembaga suku Tiga Batu pada masa itu adalah seorang penagih candu, maka ia telah tertipu semasa pengesahan jawatan itu. Dengan itu suku Tiga Batu diarahkan menumpang pada Lembaga yang paling hampir. Namun begitu suku Tiga Batu itu tetap ada ketuanya yang setaraf dengan Datuk Lembaga tetapi beliau tidak mempunyai kerusi Balai Undang dan tidak juga menerima apa-apa elau sara hidup. Semua urusan suku, terutama tentang perwarisan tanah pusaka, ahli-ahli suku ini terpaksa merujuk kepada Datuk Lembaga di mana mereka menumpang.

Ada lagi satu suku yang tidak termasuk dalam suku yang duabelas di Rembau ini. Suku yang dimaksudkan ialah suku Agam. Suku ini tidak mempunyai Lembaga dan hanya menumpang pada Lembaga yang paling hampir. Suku ini hanya terdapat di kawasan Baruh sahaja. Anakbuah suku ini adalah terdiri dari orang yang datang kemudian dan tidak mempunyai suku yang tertentu, jadi mereka dimasukkan ke suku yang paling hampir dengan tempat kediaman mereka. Ada yang menumpang pada Datuk Gempa Maharaja dan ada juga yang menumpang pada Datuk Merbangsa.

Selain dari itu ada juga suku-suku yang bernaung terus di bawah Undang. Suku-suku ini ialah suku Sri Melenggang Naning dan suku Biduanda Tampin, kedua-duanya berada di Darat. Suku-suku ini mempunyai ketua yang bertaraf sama dengan Lembaga tetapi tidak mempunyai kerusi di Balai Undang dan tidak menerima apa-apa elau sara hidup dari kerajaan. Semua urusan anakbuah suku ini dirujuk terus kepada Undang melalui Lembaga mereka. Ahli-ahli suku Biduanda Tampin ini berasal dari daerah Tampin, jadi mereka tidak mempunyai hak untuk mewarisi jawatan Undang Luak sebagaimana suku Biduanda Waris Jakun dan Jawa.

Ahli-ahli dari suku Biduanda Tampin ini juga tidak menerima 'Duit Ubi' seperti apa yang diterima oleh ahli-ahli suku Biduanda Dua Carak. Duit Ubi itu ialah wang yang diterima oleh tiap-tiap rumah ahli suku Biduanda Waris yang diberi dua kali setahun. Banyaknya wang yang diberi itu bergantung kepada hasil negeri. Tetapi kebiasaannya tiap-tiap rumah akan menerima sebanyak \$6/- untuk sekali. Jadi dalam setahun sebuah rumah mendapat sebanyak \$12/-. Pemberian ini adalah disebabkan suku Biduanda merupakan suku asal dan seharusnya menerima hasil negeri mereka pada tiap-tiap tahun. Ini juga menunjukkan bahawa suku Biduanda itu mempunyai taraf yang tinggi dari suku-suku yang lain di Rembau, selain daripada berhak untuk mewarisi jawatan Undang Luak Rembau.

Suku Menumpang

Memang terdapat beberapa suku di Rembau yang tidak mempunyai Lembaga. Kalau pun ada Lembaganya mereka tidak mempunyai kerusi

di Balai Undang dan mereka juga tidak menerima elaun sara hidup. Suku-suku seperti Sri Melenggang Naning Darat, suku Biduanda Tampin dan suku Tiga Batu adalah suku-suku yang mempunyai Lembaga tetapi tidak termasuk dalam senarai pembesar-pembesar Adat di Rembau. Sementara suku-suku Sri Melenggang Panglima Bongsu, Sri Melenggang Rokan dan Suku Agam memang tidak mempunyai Lembaga. Di dalam suku-suku ini hanya Buapak sahaja yang bertanggungjawab terhadap ahli-ahli sukunya.

Ada beberapa cerita yang boleh dipercayai mengenai Lembaga-lembaga yang tidak termasuk dalam senarai pembesar-pembesar Adat di Rembau ini. Bagi suku Tiga Batu, ianya adalah dari kesilapan Lembaganya sendiri, seperti yang telah dihuraikan terlebih dahulu.

Bagi suku Biduanda Tampin pula, oleh kerana mereka berasal dari daerah Tampin dan datang terkemudian, maka Lembaganya tidaklah termasuk dalam senarai pembesar-pembesar Adat di Rembau. Suku ini bergantung terus dengan Undang.

Satu lagi suku yang menumpang terus dengan Undang ialah suku Sri Melenggang Naning Darat. Lembaganya bergelar Datuk Narakaya dan beliau juga tidak mempunyai kerusi di Balai Undang. Perkara ini berlaku, mengikut ceritanya, disebabkan oleh Lembaga suku ini tidak mahu pergi ke Melaka untuk mengesahkan jawatan dan elaun sara hidupnya. Pada masa itu Lembaga suku ini adalah seorang yang kaya dan tidak memerlukan elaun sara hidup dan dia juga tidak diwakili oleh sesiapa. Dengan itu sehingga hari ini jawatan Lembaga suku Sri Melenggang Naning itu tidak ada dalam senarai pembesar-pembesar Adat di Rembau.

Sementara itu suku-suku Sri Melenggang Rokan dan Sri Melenggang Panglima Bongsu, menumpang pada Lembaga suku Sri Melenggang Empat Ibu iaitu Datuk Mendelika kerana ahlinya tidak ramai.

Satu lagi suku yang menumpang ialah suku Agam. Ahli-ahli suku ini datang lebih kemudian dari suku-suku lain dan tidak pula sekaligus. Jadi di mana mereka sampai, maka di situlah mereka menumpang. Oleh kerana mereka tidak ramai, mereka menumpang pada Lembaga yang paling hampir dengan mereka.

Sekiranya satu kelompok keluarga dari satu-satu suku berhijrah ke tempat lain dan di tempat yang baru itu terdapat suku yang sama dengan suku mereka, maka mereka menumpang pada Lembaga suku yang ada di tempat baru itu. Mereka juga menjadi salah satu perut yang baru bagi suku itu, tetapi mereka tidak berhak untuk menyandang jawatan Lembaga. Misalnya dalam suku Paya Kumbuh Baruh di bawah Lembaganya Datuk Merbangsa, terdapat satu perut iaitu Perut Padang yang berasal dari suku Paya Kumbuh Darat. Perut Padang ini menumpang pada Datuk Merbangsa tetapi tidak berhak untuk menyandang gelaran Datuk Merbangsa.

Segala urusan anakbuah suku yang menumpang dirujukkan kepada Lembaga di mana mereka menumpang. Sementara suku-suku yang bergantung kepada Undang akan terus merujuk kepada Undang dalam segala hal. Dengan itu bolehlah dikatakan bahawa "menumpang" adalah satu proses organisasi dan cerita-cerita yang diberikan itu adalah sebagai pengesahan (*legitimation*) terhadap proses itu.

Struktur Dalam Suku yang Duabelas

Tiap-tiap suku itu mempunyai struktur dalaman yang tersendiri. Suku itu adalah merupakan satu kelompok masyarakat yang dianggap mempunyai hubungan kekeluargaan yang tidak jelas. Mereka percaya bahawa mereka berasal dari nenek moyang yang sama. Kelompok ini pula berpecah-pecah menjadi kelompok yang lebih kecil yang dinamakan 'perut'. Perut pula adalah satu kelompok keluarga yang berasal dari keturunan yang sama dan hubungan kekeluargaan itu memang dapat dikesan.

Pemecahan kelompok suku kepada kelompok yang lebih kecil yang dipanggil perut berlaku apabila kelompok itu mempunyai ahli yang sangat ramai yang telah melebihi dari enam generasi. Pemecahan ini juga berlaku apabila satu keluarga atau kumpulan domestik dari satu kelompok suku itu berpindah membuat tempat kediaman di tempat lain. Dengan itu kelompok itu telah menjadi satu kelompok perut yang baru bagi suku tadi. Sekiranya satu kelompok keluarga dari satu-satu suku berpindah ke tempat lain yang mempunyai kelompok suku yang sama dengan mereka, maka kelompok yang baru itu akan menjadi sebahagian daripada suku di tempat baru itu. Kelompok itu menjadi salah satu dari perut suku yang sedia ada.

Dari jadual yang dilampirkan, dapatlah kita memahami dengan lebih jelas dan mendalam tentang struktur tiap-tiap suku yang terdapat di Rembau. Terdapat beberapa suku yang mengandungi beberapa pecahan. Suku Sri Melenggang mempunyai pecahan seperti berikut:

- Sri Melenggang Minangkabau
- Sri Melenggang Naning
- Sri Melenggang Empat Ibu
- Sri Melenggang Minangkabau Kandung
- Sri Melenggang Rokan
- Sri Melenggang Panglima Bongsu

Suku Batu Hampar pula mempunyai pecahan berikut;

- Batu Hampar Patani
- Batu Hampar Minangkabau

Sementara itu sebagaimana yang telah dinyatakan suku Biduanda mempunyai dua carak iaitu;

- Carak Lela Maharaja Waris Jakun
- Carak Sedia Raja Waris Jawa

Selain dari waris Dua Carak ini, terdapat lagi pecahan-pecahan suku Biduanda tetapi ahli-ahli suku ini tidak berhak mewarisi gelaran Undang Luak Rembau. Suku itu ialah;

- Biduanda Setia Maharaja
- Biduanda Tampin

Perpecahan suku-suku ini terjadi semasa penerokaan mereka ke daerah Rembau ini. Walaupun mereka berasal dari daerah yang sama di Minangkabau, tetapi mereka datang dari kampung dan keturunan yang berlainan. Sebab itu di antara mereka dibolehkan berkahwin antara satu sama

JADUAL STRUKTUR SUKU DI REMBAU

Kawasan Pentadbiran	Nama Suku	Gelaran Lembaga	Perut	Gelaran Buapak	Peraturan Exogami
Baruh	Batu Hampar Minangkabau	Datuk Gempa Maharaja	1. Penajis Hulu i. Darat ii. Baruh 2. Penajis Hilir i. Darat ii. Baruh 3. Titian Batang Nyior 4. Agam 5. Penajis	1. Maharajalela 2. Raja Mengkuta 3. Raja Mentika 4. Panglima Sutan	Perut 1 tak boleh kahwin Perut 2. Tetapi perut-perut 1 & 2 diluluskan kahwin dengan perut-perut 3, 4 & 5. Di antara perut-perut 3, 4 & 5, diluluskan kahwin antara mereka. (Exogami berlaku di kalangan perut) Perut 1 & 2 adalah perut asal tetapi perut 3, 4 & 5 datang kemudian.
Baruh	Batu Hampar Patani	Datuk Putih	1. Merasau 2. Bongek 3. Mayon 4. Pulau	1. Memperang 2. Menteri 3. Singapati	Perut 2 tidak boleh kahwin perut 3. Di antara perut-perut lain diluluskan kahwin. (Exogami di peringkat perut). Perut 2 & 3 berasal dari satu perut yang telah berpecah.
Darat	Batu Hampar	Datuk Sutan Bendahara	1. Tanjung 2. Sepri (i) Sepri (ii) Air Hitam	1. Yong Panglima	Diluluskan kahwin antara perut 1 dengan perut 2. Tetapi tak boleh antara perut (i) dengan perut (ii). (Exogami di peringkat perut). Perut 2 telah berpecah menjadi (i) & (ii).
Baruh	Paya Kumbuh	Datuk Merbangsa	1. Bongek 2. Legung (i) Kg. Padang (ii) Legung Hulu 3. Gadung 4. Semerbuk 5. Batang Nyamor 6. Padang	1. Raja Ganti 2. Maharaja Sutan 3. Maharaja Menteri 4. Panglima Gabang	Di antara perut-perut 1, 2, 3, 4 & 5 tak diluluskan kahwin antara satu sama lain, tapi mereka boleh kahwin dengan perut 6. Kecuali perut 6, perut-perut yang lain dilarang kahwin dengan suku Tiga Nenek. (Exogami di peringkat Suku kecuali perut 6) Perut 6 adalah berasal dari suku Paya Kumbuh Darat.

Darat	Paya Kumbuh	Datuk Seri Maharaja	1. Kampung Pahang (4 Ibu) 2. Kampung Tengah 3. Kg. Sungai Layang 4. Kampung Rendah	1. Panglima Dalam 2. Tok Putih 3. Paduka 4. Jekanda	Dibenarkan berkahwin di antara keempat-empat perut. Perut Kg. Sg. Layang dilarang berkahwin dengan suku Paya Kumbuh Baruh. (Exogami diperingkat perut). Mereka adalah dari keturunan berlainan.
Darat	Mungkal	Datuk Ngiang	1. Bukit i. Bukit ii. Keling 2. Tebat i. Hulu ii. Hilir	1. Narasati 2. Kaja Kanda 3. Kaya Maharaja 4. Jelela	Diluluskan kahwin antara perut 1 dan 2 tetapi dilarang kahwin antara perut (i) dan (ii) dalam kedua-dua perut. (Exogami di peringkat perut). Perut 1 & 2 daripada asal yang berlainan.
Baruh	Mungkal	Datuk Samsura Pahlawan	1. Kg. Api-api Hulu 2. Kg. Api-api Hilir 3. Tengah 4. Batang Nyamor	1. Paduka Setia	Di antara semua perut tidak dibenarkan kahwin. (Exogami di peringkat suku)
Baruh	Tiga Nenek	Datuk Bangsa Balang	1. Logung 2. Padang 3. Tanjung 4. Bukit	1. Rajalela	Dilarang kahwin di antara semua perut. Juga dilarang kahwin dengan suku Paya Kumbuh Baruh. (Exogami di peringkat suku). Satu keturunan dengan Paya Kumbuh Baruh.
Baruh	Anak Melaka	Datuk Ganti Maharaja	1. Solok Bangkong 2. Durian Tunggal 3. Bandar	1. Paduka	Dilarang kahwin antara perut-perut 1 dan 2, tetapi mereka boleh kahwin dengan 3. (Exogami di peringkat perut).

Baruh	Biduanda 1. Waris Jakun (Lela Maharaja)	Datuk Perba	1. Kota 2. Cengkau 3. Gadung 4. Tebat	1. Senara Raja 2. Paduka 3. Menteri Maharaja 4. Juan	Dilarang berkahwin di antara semua perut. Diluluskan berkahwinan dengan carak Sedia Raja. (Exogami di peringkat carak) Digalakkan perkahwinan antara dua carak. Dilarang berkahwin semua perut.
	2. Waris Jawa (Sedia Raja)		1. Kg. Bukit (Semin) 2. Kg. Pilin 3. Kg. Tengah 4. Kg. Tanjung	1. Menti 2. Ungkai Muda 3. Kaya Menteri 4. Kaya Maharaja	
Baruh	Anak Aceh	Datuk Lela Wangsa	1. Bongek & Bintangan 2. Pulau Aceh dan Durian Tunggal	1. Jembelana	Dilarang kahwin antara kedua-dua perut. (Exogami di peringkat suku).
Baruh	Tanah Datar	Datuk Raja Senara	1. Bimbar 2. Tempat 3. Berembang 4. Jaya	1. Maharaja Kanda	Dilarang berkahwin antara semua perut (Exogami di peringkat suku).
Darat	Tanah Datar	Datuk Maharaja Inda	1. Keling 2. Batu Hampar	1. Panglima Jaya	Diluluskan berkahwin antara perut 1 dan 2. (Exogami di peringkat perut). Perut 1 & 2 berlainan keturunan.
Darat	Batu Belang	Datuk Andika	1. Bintangan/Senama 2. Kampung Batu 3. Cuai 4. Pulau 5. Suku Tiga Batu	1. Orang Kaya	Dilarang berkahwin antara semua perut. (Exogami di peringkat suku).

Darat	Tiga Batu	Mosa (Nang Bear) Menumpang pada Datuk Andika	1. Kampung Bintongan 2. Kampung Pulau 3. Kampung Bukit	1. Baginda	Dilarang berkahwin antara ketiga-tiga perut (Exogami di peringkat suku).
Darat	Sri Lemak	Datuk Sinda Maharaja	1. Mesjid 2. Tengah I 3. Tengah II 4. Tanjung	1. Juan	Dilarang berkahwin di antara kesemua perut) (Exogami di peringkat suku).
Darat	Sri Melenggang Minangkabau	Datuk Panglima Dagang	1. Batu Hampar 2. Bukit 3. Cuai 4. Perigi Jernih	1. Jembelana	Dilarang berkahwin di antara keempat-empat perut. (Exogami di peringkat suku).
Darat	Sri Melenggang Empat Ibu	Datuk Mendalika	1. Batu Hampar 2. Cuai 3. Terentang 4. Cembong	1. Cegar 2. Maharaja Kanda 3. Jejela Menteri 4. Jejela	Dilarang berkahwin antara semua perut. (Exogami di peringkat suku).
	Sri Melenggang Rokan	= Menumpang =		1. Perak 1. Perak	Diluluskan berkahwin dengan Diluluskan berkahwinan dengan suku Sri Melenggang 4 Ibu. (Exogami di peringkat suku)
	Sri Melenggang Panglima Bongsu	= Menumpang =		1. Panglima Bongsu	Diluluskan berkahwin dengan Suku Sri Melenggang 4 Ibu dan Sri Melenggang Rokan. (Exogami di peringkat suku).

Darat	Sri Melenggang Naning (Miku)	Datuk Dagang	1. Bukit 2. Tengerau 3. Tengah	1. Dukasati	Dibenarkan berkahwin antara ketiga-tiga perut. (Exogami di peringkat perut). Perut-perut ini berasal dari tempat yang berlainan.
Darat	Sri Melenggang Naning (Tergantung pada Undang).	Datuk Norakaya	1. Air Hitam 2. Pedas Kecil 3. Sungai Batu 4. Masjid Tanah	1. Maharaja	Dilarang berkahwin antara keempat-empat perut. (Exogami di peringkat suku).
Baruh	Sri Melenggang Minangkabau (Kendung)	Datuk Mengkuta	1. Perut Asal 2. Perut Mendatang * Suku Tiga Batu (Kendung) * Suku Tanah Datar (Kendung)	1. Jejela 2. Paduka Setia 3. Panglima Sutan	Dilarang berkahwin antara perut 1 dan 2. (Exogami di peringkat suku).
Darat	Biduanda Setia Maharaja	Datuk Setia Maharaja	1. Tanjung 2. Pedas 3. Kampung Tengah	1. Paduka Besar	Dilarang berkahwin antara ketiga-tiga perut. Dibenarkan kahwin dengan suku Biduanda Waris. Waris (Exogami di peringkat suku).
Darat	Biduanda Tampin	Datuk Sinda Pahlawan	1. Kg. Tengah (Sepri)	1. Tia Raja	Tidak boleh berkahwin antara satu sama lain. Diluluskan berkahwin dengan Biduanda Waris dan Biduanda Setia Maharaja. (Exogami di peringkat suku). Tetapi tidak pernah berlaku perkahwinan dengan Biduanda Waris.


lain. Mereka juga mempunyai Lembaga yang berlainan, melainkan suku yang menumpang.

Tiap-tiap suku mempunyai Lembaga sebagai ketua suku, melainkan suku-suku Sri Melenggang Rokan, Sri Melenggang Panglima Bongsu, Tiga Batu dan Agam. Suku-suku itu pula berpecah kepada beberapa perut dan di peringkat perut ini terdapat Buapak sebagai ketua. Ramainya Buapak ini bergantung kepada struktur suku itu. Ada suku yang mempunyai seorang Buapak dan ada pula yang mempunyai lebih dari seorang. Di bawah Buapak pula, terdapat Besar, yang mengawasi kelompok lingkungan mereka yang dipanggil ruang. Ramainya Besar ini dalam satu-satu suku tidak sama, ia bergantung kepada ramainya ahli satu-satu suku itu.

Ada suku yang mempunyai seorang Lembaga dan diikuti oleh seorang Buapak dengan beberapa Besar. Ada pula suku yang mempunyai seorang Lembaga, diikuti oleh lebih dari seorang Buapak dan beberapa orang Besar.


Struktur suku boleh digambarkan dengan rajah-rajab berikut:—

Rajah 1




B = Besar.

Rajah 2



Suku Biduanda Waris Dua Carak mempunyai struktur yang tersendiri.

Rajah 3



Daripada rajah-rajah dapat diperhatikan dengan jelas struktur suku. Struktur ini ada kaitannya dengan peraturan exogami di kalangan suku. Kerana peraturan exogami itu tidak sama untuk semua suku, ada suku yang peringkat exogaminya ialah di peringkat suku dan ada pula di peringkat perut. Hal ini penting di dalam membincangkan struktur suku.

Keahlian Suku

Tiap-tiap suku itu mempunyai ahli masing-masing tetapi jumlah ini tidak pernah dibanci. Ada suku yang ramai ahlinya dan ada pula yang sedikit terutama suku yang hanya mempunyai satu perut sahaja.


Seseorang itu dianggap dan digolongkan dalam satu-satu suku itu dengan dua cara:

1. Mengikut keturunan iaitu dengan kelahiran.
2. Dengan cara anak angkat iaitu dikedimkan.

Keahlian suku mengikut kelahiran.

Seseorang yang dilahirkan dalam satu-satu keluarga itu dengan secara automatik mengikut suku ibunya. Ini adalah prinsip hidup masyarakat bernisam-ibu. Susur-galur keturunan adalah berpandukan kepada keturunan dari pihak ibu. Misalnya, kalau ibu seseorang itu dari suku Paya Kumbuh yang berkahwin dengan lelaki dari suku Mungkal, maka semua anak-anak mereka adalah ahli suku Paya Kumbuh.

Rajah 4
Keahlian Suku mengikut Kelahiran



Keterangan

- PK = Suku Paya Kumbuh
 BH = Suku Batu Hampar
 H = Suku Mungkal
 AC = Suku Anak Aceh
 OL = Orang Luar dari Adat

Perkahwinan yang dilakukan itu meliputi jua perkahwinan dengan orang yang bukan Adat, misalnya dengan orang dari daerah Port Dickson atau dari luar Negeri Sembilan. Sekiranya seorang lelaki Adat berkahwin dengan seorang perempuan bukan Adat, maka anaknya tidak termasuk dalam lingkungan Adat. Sekiranya seseorang lelaki Adat itu berkahwin dengan perempuan bukan Adat dan mereka menetap di dalam lingkungan keluarga lelaki, maka anak-anak mereka tetap juga tidak mempunyai suku dan tidak termasuk dalam lingkungan Adat, melainkan perempuan itu dikedimkan dengan sesuatu suku.

Ini berbeza dengan perkahwinan di antara seorang lelaki bukan Adat dengan perempuan Adat. Anak-anak mereka adalah tergolong dalam lingkungan Adat dan suku mereka mengikut suku ibunya. Ini kerana lelaki bukan Adat itu akan datang menetap di kalangan keluarga isterinya, mengikut prinsip tempat kediaman matrilokal. Namun begitu dalam hal ini taraf anak-anak mereka adalah kurang dari segi pewarisan pusaka Adat yang dijunjung. Anak-anak mereka tidak boleh menyandang sebarang jawatan ketua Adat dalam sukunya, melainkan jika tidak ada lagi pilihan yang lain.

Keahlian Secara dikedimkan

Kedim ertinya 'saudara'. Jadi dikedimkan bermaksud dijadikan saudara. Di dalam organisasi keluarga, kedim pula adalah keluarga yang paling dekat yang boleh membuat keputusan dalam keluarga itu. Setiap perkara yang hendak dilakukan dalam satu-satu keluarga itu mestilah diberitahu kepada kedim.

Biasanya seseorang yang telah dikedimkan akan dijadikan sebagai anak angkat, yang juga dianggap sebagai anak kandung sendiri. Pada kebiasaannya orang yang dikedimkan itu adalah orang perempuan dan orang yang mengambil kedim itu adalah keluarga yang tidak mempunyai anak perempuan. Anak perempuan adalah penting untuk menjaga ibubapa di hari tua dan juga sebagai pewaris harta pesaka satu-satu keluarga itu.

Ada dua jenis kedim yang biasa dilakukan:

1. Kedim Adat.
2. Kedim Adat dan Pusaka.

Kedim Adat

Kedim Adat ini adalah lebih rendah tarafnya dari Kedim Adat dan Pusaka. Seseorang yang dikedimkan dengan Kedim Adat ini hanya boleh mengikuti adat istiadat sahaja, tidak lebih dari itu. Misalnya dalam upacara nikah kahwin, mas kahwinnya adalah sama dengan ahli-ahli suku di mana ia dikedimkan. Dia juga berhak mendapat perlindungan seperti ahli-ahli suku yang lain, pendeknya 'sakit dibela, mati ditanam'.

Upacara Kedim Adat hanya perlu diketahui oleh Lembaga sahaja dan Undang Perlu diberitahu apabila telah selesai segala-galanya. Pada kebiasaannya yang dikedimkan melalui Kedim Adat ialah orang lelaki yang ingin memasuki lingkungan Adat dan berkahwin dengan perempuan Adat.

Di upacara pengkediman itu semua keluarga yang berkaitan mestilah hadir, terutamanya keluarga yang menerima kedim. Turut juga hadir dalam

upacara itu ialah Besar dan Buapak bagi suku yang berkenaan. Persetujuan semua pihak mestilah didapati, tidak boleh ada yang menentang. Setelah semuanya bersetuju, maka Datuk Lembaga yang berkenaan pun membuat pengisytiharan dan menandatangani surat Kedim. Dengan itu sahlah orang yang berkenaan menjadi suku yang ia dikedimkan.

Dalam upacara ini sedikit kenduri dibuat oleh keluarga yang menerima kedim. Jika orang yang dikedimkan itu seorang dewasa, maka ia bertanggungjawab terhadap kenduri yang dibuat. Besarnya kenduri itu bergantung kepada ramainya ahli-ahli keluarga yang berkenaan.

Orang yang dikedimkan, jika ia dewasa, juga dikehendaki membayar sedikit wang. Jika ia masih seorang budak, maka keluarga yang menerima kedim itulah yang membayarnya. Wang sebanyak \$7.20 mestilah dibayar kepada beberapa orang yang berkenaan, iaitu, sebanyak \$3.60 akan diberi kepada Datuk Lembaga dan baki \$3.60 dibahagi-bahagikan di antara Buapak dan Besar.

Kedim Adat dan Pusaka

Kedim Adat dan Pusaka adalah lebih tinggi tarafnya daripada Kedim Adat. Apabila seseorang itu telah dikedimkan kepada satu-satu suku dengan cara ini, dan jika dia seorang perempuan, dia berhak pada harta pusaka suku itu, dan kalau dia seorang lelaki pula, dia berhak untuk menyandang pusaka yang dijunjung iaitu apa-apa gelaran yang terdapat dalam suku itu. Selain dari itu dia juga mendapat hak yang sama seperti orang yang dikedimkan dengan Kedim Adat.

Pada kebiasaannya Kedim Adat dan Pusaka ini dilakukan pada anak-anak perempuan. Terutamanya anak angkat perempuan yang diambil dari bangsa lain, semasa dia kecil lagi dan namanya juga telah diubah dengan berbintikan bapa angkatnya. Pengambilan anak angkat ini adalah untuk mendapatkan anak perempuan bagi mereka yang tidak beranak perempuan. Anak perempuan penting untuk menjaga ibubapa di masa tua dan juga untuk mewarisi harta pusaka keluarga itu.

Upacara kedim ini mestilah dihadiri oleh Undang, selain dari Datuk Lembaga, Buapak, Besar dan waris kedim keluarga yang berkenaan. Apabila semua pihak telah bersetuju dengan tidak ada seorang pun yang menentang, maka Undang akan mengistiharkan pengkediman itu. Hebahan dilambangkan;

Darah dicecah

Doa ditampung

Sumpah dilabuh

Quran dijunjung (Nordin Selat, 1976: 131)

Selain dari hebahan itu, surat perjanjian pun ditandatangani oleh orang yang berkenaan dengan disaksikan oleh semua orang yang hadir. Dengan itu orang yang dikedimkan itu diakui menjadi saudara dan keluarga kepada keluarga yang mengambilnya sebagai anak.

Kalau darah nak sama merahnya,

Kalau tulang nak sama putihnya,

Kalau daging nak sama beratnya,
Seuri setembunilah kita.

Begitulah bunyinya perbilangan yang melambangkan orang yang berkedim itu telah menjadi keluarga kepada orang yang mengambilnya sebagai anak.

Sementara itu pihak yang berkedim itu mestilah menyediakan seekor kerbau, beras 50 gantang, kelapa 50 biji dan segala alat-alat untuk membuat kenduri. Selain dari itu dia juga mesti membayar wang sebanyak 2 bahara.¹ Jika yang dikedimkan itu seorang budak, maka keluarga yang menerima kedim itulah yang bertanggungjawab dalam soal ini. Satu bahara wang tersebut diberikan kepada Undang dan satu bahara lagi dibahagi-bahagikan di kalangan Lembaga dan Buapak.

Setelah selesai segala upacara, maka sahlah seseorang itu menjadi ahli kepada suku yang berkenaan. Dengan itu juga dia berhak ke atas segala apa yang dinikmati oleh ahli-ahli yang lain, termasuk harta pusaka dan pusaka yang dijunjung. Pendek kata kedudukannya dalam suku itu adalah;

Tegak sama tinggi
Duduk sama rendah
Melipat sama patah
Menyerudup sama bongkok
Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing.

Di Rembau, Kedim Adat dan Pusaka ini telah dimansuhkan semasa pemerintahan Datuk Undang Lela Maharaja Hj Ipap bin Abdullah iaitu Datuk Undang Luak Rembau yang ke-19. Beliau berpendapat, sekiranya upacara ini dibenarkan berterusan maka nanti semakin ramai bangsa asing yang masuk ke dalam lingkungan Adat dan dengan itu harta pesaka akan berpindah ke tangan mereka. Kerana kebiasaannya yang dikedimkan itu adalah anak bangsa asing, terutama anak Cina. Walau bagaimanapun alasan itu boleh dipersoalkan kerana walaupun yang masuk atau dikedimkan itu anak Cina, tetapi setelah dikedimkan dia telah jadi Melayu dan anak-anaknya juga adalah Melayu. Jadi tidak timbul persoalan 'orang asing' dalam hal ini.

Rujukan:

- Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
Mohd. Dahlan Mansoer, 'Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau' dalam *Kumpulan Kertas Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih*. Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 1975.
Hooker, M.B., *Adat Laws in Modern Malaya*, Oxford University Press, 1972.
Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Melayu Bhd., Kuala Lumpur, 1976.

1 Bahara adalah nilai wang lama. Sekarang satu bahara bernilai sebanyak \$24.00. Sebelum Undang Datuk Abdullah, nilai satu bahara ialah sebanyak \$14.00. Undang Datuk Abdullah menaikkan nilai bahara itu semasa pemerintahan beliau.



Dato' Abdullah bin Haji Dahan
Undang Rembau Ke-XVIII